

## RASUAH DALAM PERSPEKTIF HADITH: HUKUMAN DAN PENGUATKUASAAN

**Nurul Syahadah Mohamad Riza\***

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

**Mohd Farhan Md Ariffin**

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia

**Muhammad Safwan Harun**

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding Author’s Email: [nurulmohamad@graduate.utm.my](mailto:nurulmohamad@graduate.utm.my)

### **Article history:**

*Received* : 4 Mei 2023

*Accepted* : 22 Jun 2023

*Published* : 29 September 2023

### **ABSTRAK**

Salah laku integriti merupakan isu utama masa kini. Pengamalan rasuah adalah batu penghalang yang membuka pintu-pintu kerosakan dan penyelewengan. Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan konsep, hukuman dan penguatkuasaan rasuah dari perspektif hadith. Menggunakan metode analisis induktif, deduktif dan tematik, kajian mendapati rasuah merupakan perbuatan terlaknat dalam Islam, namun tiada hukuman spesifik yang dinyatakan dalam hadith bagi jenayah rasuah kerana ia dikategorikan di bawah hukuman *ta’zir*. Undang-undang Malaysia mewartakan hukuman rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

**Kata Kunci:** Rasuah; Hadith; Integriti; Hukuman; Penguatkuasaan

### **CORRUPTION IN THE PERSPECTIVE OF HADITH: PUNISHMENT AND ENFORCEMENT**

### **ABSTRACT**

*Misconduct of integrity is a major issue today. The practice of corruption is a stumbling block that opens the doors to damage and malpractice. Therefore, this study aims to discuss the concept, punishment, and enforcement of corruption from the perspective of the hadith. Using inductive, deductive, and thematic analysis*

*methods, the study found that corruption is a cursed act in Islam, but there is no specific punishment stated in the hadith for corruption as it is categorised under the punishment of ta'zir. Malaysian law enshrines corruption under the Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.*

**Keywords:** Corruption; Hadith; Integrity; Sentence; Enforcement

## PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, rasuah ialah pemberian untuk menumbuk rusuk iaitu perbuatan yang bertujuan untuk menyogok atau menuyap.<sup>1</sup> Dalam Kamus Bahasa Arab, rasuah berasal daripada perkataan rasya (رَشْأَ), al-risyawah (الرِّشْوَة). Dari sudut bahasa, Ibn Manzur menjelaskan risyawah bermaksud anak burung atau ayam yang menjulurkan kepalanya agar disuapkan makanan.<sup>2</sup> Risyawah juga boleh membawa maksud perantara untuk mencapai tujuan dengan cara pujukan.<sup>3</sup> Manakala dari sudut istilah, risyawah bermakna pemberian yang bertujuan menegakkan kebatilan.<sup>4</sup>

Di sini dapat disimpulkan bahawa rasuah merupakan salah laku menuyap atau mengupah yang memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak dengan mengabaikan nilai integriti dalam melaksanakan tugas. Rasuah dikenal dengan pelbagai nama seperti makan suap, minyak pelincir, duit kopi, tumbuk rusuk, duit bawah meja dan sebagainya. Dalam konteks semasa, terdapat pelbagai bentuk rasuah yang ditawarkan antaranya wang poket, jawatan, undi, diskaun, upah, bonus dan perkhidmatan.<sup>5</sup> Rasuah juga boleh diklasifikasikan sebagai hadiah. Namun ia berbeza dari segi tujuan, di mana pemberian rasuah untuk mendapat balasan, manakala hadiah merupakan pemberian tanpa mengharapkan balasan.<sup>6</sup>

Berdasarkan Rajah 1, rasuah merupakan satu penerimaan atau pemberian sebagai upah atau bermotifkan dorongan untuk seseorang individu melakukan atau tidak melakukan tugasnya di mana pemberian tersebut boleh terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun. Kebanyakan rasuah didapati berlaku bertujuan menutup kesalahan tertentu di samping ingin memperoleh keuntungan berganda atau akses mudah dengan segera.

<sup>1</sup> Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka online, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Rasuah>, akses pada 25 Mei 2021.

<sup>2</sup> Ibn Manzur, Lisan al-Arab, Dar al-Shodir, Beirut, t.t, Juz 14, 322.

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Wizarah al-aqaf wa al-syu'un al-Islamiyyah, Al-mausu'ah al-fiqhiyyah al-kuwaitiyyah, Kuwait: dar al-salasil, 1404H – 1427, Juz 22, 220.

<sup>5</sup> Portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=75&articleid=478](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478), akses pada 4 Feb 2021.

<sup>6</sup> Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bila hadiah menjadi rasuah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2017, 2-3.

<sup>7</sup> Portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=75&articleid=478](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478), akses pada 14 Julai 2021.



Rajah 1: Bentuk-bentuk Rasuah Semasa

Mutakhir ini, gejala rasuah semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Gejala ini bukan hanya melibatkan pegawai berpangkat rendah, malah turut menjebak golongan berstatus tinggi. Menurut satu laporan akhbar Sinar Harian (2021), hampir separuh kes rasuah melibatkan penjawat awam.<sup>8</sup> Baru-baru ini, Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia mencatatkan kejatuhan daripada tangga 51 kepada 57 berbanding tahun 2019.<sup>9</sup> Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas betapa seriusnya jenayah ini di Malaysia, kajian mengumpulkan laporan kes mengikut tahun bermula 2016-2020 seperti berikut:<sup>10</sup>

Jadual 1: Statistik Kes Rasuah Lima Tahun Terakhir

Tahun	Jumlah Kes
2016	918
2017	934
2018	904
2019	1135
2020	998

Berdasarkan statistik dalam Jadual 1, kes tertinggi dilaporkan adalah pada tahun 2019. Walaupun terdapat sedikit penurunan kes rasuah pada 2020, namun angka ini masih tinggi jika dibandingkan dengan kes pada 3 tahun awal. Ini membuktikan perlakuan rasuah semakin membara dalam masyarakat. Justeru, permasalahan ini perlu dipandang serius oleh semua pihak. Gejala ini bukan sahaja

<sup>8</sup> Shamshun Baharin, Akhbar Sinar Harian pada 31 Jan 2021, Bil: 48, 2021, 10.

<sup>9</sup> Transparency International, Corruption Perception Index 2020, [www.transparency.org/cpi](http://www.transparency.org/cpi), 2021, 2.

<sup>10</sup> Portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=97](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=97), akses pada 14 Julai 2021.

merencangkan pertumbuhan negara dalam aspek politik, ekonomi dan sosial, bahkan merosakkan akhlak serta budaya masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mendalami konsep, hukuman dan penguatkuasaan rasuah dari perspektif hadith. Dalam perolehan data, prosedur tertentu dipraktikkan dan pemilihan rujukan adalah dari pelbagai sumber yang berautoriti. Sorotan literatur terhadap maklumat diperoleh daripada sumber yang dipercayai. Bahan yang digunakan bagi kajian ini adalah *Kutub Tis'ah; Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, Miwatta' Malik, Musnad Ahmad dan Sunan al-Darimi* serta karya-karya syarah muktabar.

Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis mengguna pakai kaedah induktif, deduktif dan tematik. Dalam pemilihan isu, perlu ditegaskan bahawa skop kajian memfokuskan analisis terhadap konteks hukuman dan penguatkuasaan rasuah sahaja.

## RASUAH MENURUT PERSPEKTIF HADITH

Dalam al-Qur'an, tiada penggunaan istilah *al-risywah*. Namun, terminologi yang digunakan bagi merujuk kepada rasuah di dalam al-Qur'an ialah السُّخْتَ. Seperti dalam firmanNya, yang bermaksud:

Terjemahan: "Mereka sangat suka mendengar berita bohong, banyak memakan (makanan) yang haram. Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (Muhammad untuk meminta putusan), maka berilah putusan di antara mereka atau berpalinglah dari mereka, dan jika engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan membahayakamu sedikit pun. Tetapi jika engkau memutuskan (perkara mereka), maka putuskanlah dengan adil. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil."

(Surah Maidah: Ayat 42)

Ayat ini berkait rapat dengan sifat orang Yahudi yang sering mendengar perkataan bohong dan memakan harta daripada hasil yang haram. Menurut Ibn Mas'ud dan Ibn Abbas perkataan أَكْلُونَ لِلسُّخْتَ merujuk kepada harta wang suap (wang sogok), di mana ia diberi untuk menutup bicara seseorang, tidak menegur kesalahan yang dilakukan dan mengelak daripada menegakkan keadilan.<sup>11</sup> Dengan pemberian wang suap kepada hakim, hakim mendengar hujah daripada satu belah pihak sahaja.<sup>12</sup> Namun begitu, perkataan ini umum dan merangkumi riba, harta curian dan semua harta yang diperolehi daripada sumber yang haram.

<sup>11</sup> Hamka, Tafsir al-azhar (Terj), Jakarta: Pustaka Panjimas, t.t, juz 6, 251 -252

<sup>12</sup> Wahbah Zuhaily, Tafsir Munir (Terj), Jakarta: Gema Insani, 2016, jilid 3, 527

Pengharaman rasuah bukan hanya dinyatakan dalam al-Quran<sup>13</sup>, malah dinyatakan secara jelas di dalam hadith Nabawi. Hal ini membuktikan bahwa rasuah merupakan salah satu dosa besar dan telah wujud sejak zaman terdahulu.<sup>14</sup> Sejarah rasuah telah diceritakan Allah SWT dalam al-Quran adalah semasa pemerintahan Nabi Sulayman, di mana Ratu Saba’ menghantar hadiah kepada Nabi Sulayman sebagai rasuah agar tidak menyuarakan kebenaran serta tidak mengajak beliau memeluk Islam.<sup>15</sup> Namun begitu, Nabi Sulayman dengan tegas menolak dan memulangkan hadiah tersebut. Selain itu, hadiah juga dianggap sebagai salah satu asbab perdamaian antara dua belah pihak.<sup>16</sup>

Rasuah juga berlaku pada zaman Nabi SAW. Justifikasinya, pihak pembesar Quraisy menawarkan kuasa, wanita dan takhta kepada baginda agar baginda SAW berhenti berdakwah. Meskipun ditawarkan bermacam-macam perkara, namun baginda SAW tetap berpegang kepada prinsip agama dan mempraktikkan nilai integriti.<sup>17</sup> Selain daripada itu, terdapat sirah ‘Abd Allah Ibn Rawahah ditawarkan rasuah, ketika Rasulullah mengutus beliau ke Khaybar, penempatan Yahudi. Perutusan tersebut bertujuan menentukan jumlah cukai yang perlu dibayar oleh pihak Yahudi, namun orang-orang Yahudi menyogok sejumlah wang kepada beliau. Lalu beliau menolak dengan tegas dan mengatakan bahawa ianya haram.<sup>18</sup> Jelas di sini, amalan rasuah dalam bentuknya yang pelbagai telah berlaku semenjak dahulu lagi.

Sehubungan dengan itu, banyak hadith-hadith menjelaskan larangan rasuah. Pengulangan larangan menunjukkan bahawa rasuah merupakan salah laku serius yang wajib dihindari. Antara hadith-hadith berkenaan rasuah adalah berikut:

Terjemahan: Dikhabarkan kepada kami oleh Abu Humayd al-Sa‘idiy berkata: Nabi SAW mengarah seorang lelaki daripada Bani Asad, dikatakan nama Ibn al-Utabiyah untuk mengutip zakat. Setelah selesai beliau berjumpa Rasulullah dan menyerahkan dengan berkata: Ini untuk kalian (hasil kutipan) dan ini untukku (hadiah yang diberikan kepadaku). Maka Nabi SAW berdiri di atas mimbar – berkata Sufyan dengan riwayat ‘maka naik ke mimbar’- dan baginda memuji Allah SWT kemudian bersabda: “*Aku sudah melantik seorang pegawai untuk ditugaskan membuat pekerjaannya, beliau datang kepadaku dan berkata: ini untukmu dan ini untukku. Ketahuilah, pergilah kamu duduk di rumah bapanya dan ibunya, lihatlah sama ada kamu akan diberi hadiah atau tidak, Demi Dzat yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah seseorang datang dengan mengambil*

<sup>13</sup> Surah al-Ma’idah: 42; Surah al-Baqarah: 188

<sup>14</sup> Afriadi Sanusi, Sharifah Hayaati Syed Ismail, Analisis Strategi Membanteras Rasuah Menurut Islam, Online Journal of Research in Islamic Studies 3(2) (2016): 33-5.

<sup>15</sup> Surah al-Naml: 34-37; Wahbah Zuhaily, Tafsir Munir, Jilid 10, 276

<sup>16</sup> Hamka, Tafsir al-azhar (Terj), Jakarta: Pustaka Panjimas, t.t, juz 19, 209-210.

<sup>17</sup> Ahmad Rifai, Hubungan al-Nasharah dan Muslim pada masa Rasulullah, 2018, tesis master, UIN Alauddin makassar, 51.

<sup>18</sup> Malik Ibn Anas, Muwatta’ Malik, Abu Dhabi: Muassasah Zayd Ibn Sultan al-Nahyan li al-A‘mal al-Khairiyah wa al-Insaniyyah, 2004, 4, 1016, no. Hadith 2595.

*hadiah seperti pekerja tadi melainkan ia akan datang denganannya pada hari kiamat, lalu dia akan memikul hadiah tadi di lehernya.”<sup>19</sup>*

Terjemahan: Diceritakan kepadaku oleh ‘Adiy Ibn Umayrah al-Kindiy, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Wahai sekalian manusia, barangsiapa di antara kalian diberikan jawatan untuk mengurus pekerjaan, kemudian menyembunyikan sebuah jarum atau lebih daripada itu, maka ia dianggap satu ghulul (pengkhianatan), kelak pada hari kiamat ia akan datang dengan membawanya. Lantas seorang lelaki dari golongan Ansar berkulit hitam berdiri, seakan-akan aku pernah melihatnya, dia berkata: Wahai Rasulullah SAW, terimalah Kembali tugasku daripadamu. Baginda bertanya: Apakah itu? Beliau menjawab: Saya mendengar kamu bersabda begini dan begitu. Baginda membalas: Aku katakan, “*Sekarang aku katakan, siapa saja yang kami serahi suatu tugas, hendaknya dia melaksanakannya, baik mendapatkan hasil sedikit maupun banyak. Apa yang diberikan kepadanya, maka layak dia mengambilnya, dan apa yang dilarang baginya, maka dia harus menahan diri.*”<sup>20</sup>

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Abdillah Ibn Amru berkata: Rasulullah SAW bersabda: “*Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah.*”<sup>21</sup>

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah berkata: “*Rasulullah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam penetapan keputusan.*”<sup>22</sup>

Hadith-hadith di atas membincangkan kejadian rasuah, akibat dan respon baginda SAW. Sebagaimana diperincikan dalam kitab-kitab syarah, Rasulullah SAW menegur sahabat tentang penerimaan hadiah (rasuah) secara terbuka apabila seorang pekerja yang ditugaskan mengutip zakat datang kepada Nabi Muhammad SAW dan memberitahu tentang penerimaan hadiah.<sup>23</sup> Teguran ini dibuat secara umum tanpa menujukan kepada individu tertentu demi menyedarkan semua bahawa perbuatan tersebut adalah haram, sekaligus perlu menghindar dan mengambil pengajaran daripadanya. Melalui hadith ini, Rasulullah SAW mendidik para sahabat untuk menjauhi rasuah tanpa lengah.<sup>24</sup>

<sup>19</sup> Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab al-Ahkam, Bab Hadaya al-'Ummal, t.t.p.: Dar Tuq al-Najah, 2002, 9, 70, no. Hadith 7174.

<sup>20</sup> Abu Dawud al- Sajastani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Aqdiah, Bab Hadaya al-'Ummal, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, (t.t), 5,433, no. Hadith 3581.

<sup>21</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Ahkam, Bab al-Taghliz fi al-Haif wa al-Risyawah, t.t.p.: Dar al-Risalah al-'Alamiyah, 2009, 3, 411, no. Hadith 2313.

<sup>22</sup> Abu 'Isa al-Tirmidhi, Jami' al-Tirmidhi, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, (1998), 3,614, no. Hadith 1336. Terdapat riwayat lain daripada 'Abdillah Ibn Amru di dalam Abu 'Isa al-Tirmidhi, Jami' al-Tirmidhi, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, (1998), 3, 615, no. Hadith 1337 dan Abu Dawud al- Sajastani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Aqdiah, Bab Hadaya al-'Ummal, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, (t.t), 5, 433, no. Hadith 3580.

<sup>23</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, Fath al-Bari Syarh Sahih Bukhari, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997, 13, 165.

<sup>24</sup> Aidh al-Qarni, Siyat al-qulub, Beirut: Dar ibn hazim, 2002, 85-86.

Seterusnya Rasulullah SAW mengatakan bahawa individu yang diberi jawatan tetapi masih mengambil habuan tambahan sama ada dalam kuantiti banyak atau sedikit, perbuatan ini dikira satu pengkhianatan yang akan menjadi beban ketika hari pengadilan. Maka Rasulullah SAW menasihati untuk menerima sesuatu berdasarkan hak yang diberi dan halal dimiliki serta meninggalkan perkara yang ditegah (rasuah).<sup>25</sup> Menurut al-Tibi, rasuah merupakan satu bentuk pecah amanah walaupun nilainya sebesar jarum dan tergolong dalam kategori pengkhianatan dan penindasan.<sup>26</sup> Pemberian hadiah dan seumpamanya kepada pihak penguasa dianggap sebagai rasuah jika tujuannya adalah menyokong kebatilan yang telah dilakukan, maka ianya haram secara mutlak.<sup>27</sup>

Dalam pada itu, sesiapa yang terlibat tidak kira pemberi atau penerima hatta perantara dalam gejala rasuah akan mendapat lakan Allah SWT dan Rasulullah SAW.<sup>28</sup> Menurut Syeikh Wahbah Zuhaily, lakan merupakan satu bentuk celaan dan penghinaan yang dahsyat kerana jauh daripada rahmat dan belas kasihan Allah SWT.<sup>29</sup> Hal ini kerana mereka saling membantu dalam kebatilan. Sebagai contoh dari konteks kehakiman ialah rasuah yang diberikan kepada hakim agar kebatilan dapat ditegakkan.<sup>30</sup> Selain perundangan, hal-hal membabitkan pentadbiran negara, politik, penguatkuasaan, jual beli dan perundingan yang melibatkan transaksi wang sangat berpotensi untuk berlakunya salah laku rasuah.

Di sini jelas, rasuah melibatkan penyalahgunaan kuasa demi mendapat manfaat yang tidak halal dimiliki.<sup>31</sup> Dengan erti kata yang lain, salah laku rasuah mampu menyembunyikan kebenaran sehingga menyalimi pelbagai pihak. Maka rasuah merupakan salah satu unsur penindasan dan kezaliman. Ia boleh dikategorikan sebagai mengambil hak orang lain dengan cara salah. Berikut itu, amalan rasuah dilarang keras sehingga mereka yang terlibat dicela Allah SWT dan Rasulullah SAW. Menurut Yusuf al-Qaradawi, semua dalil yang menjelaskan mengenai pengharaman rasuah adalah kerana ia termasuk dalam kategori memakan harta orang lain secara batil.<sup>32</sup> Pengharaman ini meliputi semua lapisan masyarakat, tidak kira Muslim ataupun non-Muslim.

Demikian ini kerana amalan rasuah mempunyai implikasi buruk terhadap individu, masyarakat bahkan terhadap negara. Individu yang mengamalkan rasuah terkesan dari pelbagai sudut kehidupan seperti ibadah dan sosial. Individu yang mengamalkan rasuah dihina Allah, ibadah tidak diterima, mengalami kejatuhan maruah, merendahkan akhlak, menjelaskan kualiti kerja, dibuang kerja dan hilang kepercayaan.<sup>33</sup> Kesan rasuah terhadap masyarakat dapat dilihat apabila berlaku pertelingkahan, ketidakadilan hak, meningkatkan jenayah, menjelaskan integriti dan

<sup>25</sup> Al-Azim Aabadi, *Awn al-Ma‘bud*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994, 9, 360.

<sup>26</sup> Ibid, 9, 360-361.

<sup>27</sup> Ibid, 9, 361

<sup>28</sup> Al-Mubarakfuri, *Tuhfah Al-Ahwazi Sharh Jami‘ al-Tirmidhi*, ‘Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t), 4, 473; Al-Azim Abadi, *Awn al-Ma‘bud*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994, 9, 359.

<sup>29</sup> Wahbah Zuhaily, *Tafsir Munir* (Terj), Jakarta: Gema Insani, 2016, Jilid 9, 440.

<sup>30</sup> Al-Mubarakfuri, *Tuhfah Al-Ahwazi Sharh Jami‘ Al-Tirmidhi*, ‘Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t), 4, 471.

<sup>31</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1997, 5, 221.

<sup>32</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, 2012, Kaherah: maktabah wahbah, 379

<sup>33</sup> Diyab Khalil, *al-athar al-mutarattibah ‘ala al-risyawah fi al-fiqh al-islami*, tesis master, al-Jaami‘ah al-Islamiyyah, Department of al-fiqh al- muqaran. Gaza, 2011, 100-132.

hubungan sosial dan membahayakan keselamatan masyarakat.<sup>34</sup> Sehubungan dengan itu, amalan rasuah memberi kesan terhadap skop yang lebih besar iaitu negara. Keharmonian negara terganggu, ekonomi negara terjejas, malah hubungan diplomatik antara negara mudah terlerai.<sup>35</sup>

## MAFSADAH DALAM AMALAN RASUAH

Sebagaimana sedia maklum, amalan rasuah melibatkan tiga elemen iaitu al-rashi (pemberi rasuah), al-murtashi (penerima) dan al-raish (hal yang disepakati). Misalnya seorang memberikan rasuah kepada hakim bagi tujuan membebaskan beliau dari sebarang pertuduhan di mahkamah. Ini bermaksud, akan wujud pihak yang mendapat keuntungan iaitu dari kalangan pemberi dan penerima, sementara pihak selain mereka tertindas secara langsung mahupun tidak langsung. Dalam kes mahkamah misalnya, seorang penjenayah boleh dibebaskan akibat amalan rasuah yang diperlakukan sekaligus mendedahkan bahaya berterusan dalam masyarakat. Bahasa mudahnya, pihak yang terlibat dalam aktiviti ini mencapai hasrat peribadi atas kezaliman terhadap pelbagai pihak.

Oleh kerana itu, syariat Islam menegah keras perbuatan ini samada melalui nas al-Quran dan hadis mahupun ijma' ulama. Pensyariatan ini hakikatnya bagi memastikan pemeliharaan *maqasid al-shari'ah* seperti keadilan, amanah, keamanan<sup>36</sup> dan hifz al-mäl dari janib al-'adam.<sup>37</sup> Malah, jika perbuatan ini melibatkan seorang muslim sudah tentu imej agama turut tercemar. Ibn Qayyim menegaskan:

*“Sesungguhnya syariah dibina dan diasas atas hikmah-hikmah dan maṣlaḥah-maṣlaḥah untuk hamba dalam kehidupan di dunia dan akhirat, dan ia adalah adil, rahmat, kebaikan, dan hikmah dalam seluruh pensyariatannya, maka setiap isu yang keluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada lawannya, daripada maṣlaḥah kepada mafsadah dan daripada hikmah kepada sia-sia bukanlah daripada syariah Islam... ”<sup>38</sup>*

Kenyataan Ibn Qayyim tersebut menjelaskan seluruh pensyariatan daripada al-awamir wa al-nawahi mempunyai kemaslahatan yang diraikan Allah SWT dalam kehidupan manusia dunia dan akhirat. Ironinya, perlakuan yang bertentangan dengan al-awamir dan al-nawahi tersebut adalah kezaliman, mafsadah dan kerosakan.

<sup>34</sup> Hamd bin Abd al-Rahman, Athar al-risyawah fi ta'athur al-Numu al-Iqtisadiyyah wa asalib daf'ha fi dzilli al-Syari'ah al-Islamiyyah, 1982, Riyadh: al-Markaz al-'Arabiyy lil dirasat al-Umniyyah wa al-Tadrib, 8-13.


<sup>35</sup> Mohammed al-Momani, Economic Corruption and Treatment, Perspectives of Islam and Capitalism (Comparison study), Journal of Economics and Development Studies, 2015, 3 (3), 123-134.

<sup>36</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Dirāsah fi Fiqh Maqāṣid al-Shari'ah Bayn al-Maqāṣid al-Kulliyāt wa al-Nuṣūṣ al-Juz'iyyāt*, cet. Ke-3 (al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, 2008), 28.

<sup>37</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *al-Muṭasṣaf min 'Ilm al-Uṣūl*, ed. Hamzah Zuhāyr Ḥafiz (t.tp: Shirkah al-Madīnah al-Munawwarah, t.t), 2:483.

<sup>38</sup> Abī 'Abdullah Muḥammad bin Abī Bakar bin Ayyūb al-ma'rūf bi Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Ilām al-Muwāqi'i 'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, ed. Abū 'Ubaydah Ḥasan dan Abū 'Umar Ahmad (al-Riyād: Dār Ibn al-Jazwī, 1423H), 4:337.

Melalui premis ini, jenayah rasuah merupakan satu perbuatan yang menyanggahi maqsad al-shari’ (kehendak Allah SWT)<sup>39</sup> dalam mewujudkan keadilan dan amanah dalam pengurusan kehidupan. Malahan juga, jenayah ini mewujudkan pencerobohan terhadap hak-hak pihak lain.<sup>40</sup> Hal ini telah dijelaskan secara mafhum dalam ayat ke-2 surah al-Nisa’ agar menguruskan harta anak yatim dengan baik dan ayat ke-42 surah al-Maidah yang memerintahkan supaya berlaku adil dalam pengadilan.



**Rajah 2:** Mafsadah Rasuah

Berdasarkan Rajah 2, jenayah rasuah tidak menghasilkan sebarang maslahah hakiki kerana perbuatan ini jelas bertentangan dengan nas al-Quran, al-Sunnah mahupun ijma’. Ini bermaksud, perkara yang terhasil daripada jenayah ini ialah mafsadah atau maslahah mulghah berdasarkan peruntukan nas syarak.<sup>41</sup> Sungguhpun secara kasarnya, mudarat yang timbul dalam aktiviti rasuah ini seolah terbatas kepada individu seperti hilang integriti dan amanah serta dilaknat Allah SWT kelak. Namun, jika diperhalusi dengan lebih mendalam aktiviti ini mewujudkan ekosistem yang tidak sihat dalam kehidupan bermasyarakat dan negara dalam aspek pengurusan organisasi dan kewangan. Penindasan yang timbul tidak terbatas kepada satu dua pihak, malah mungkin melibatkan generasi. Misalnya, seorang yang tidak berkelayakan dilantik memegang tumpuk pemerintahan hasil aktiviti rasuah politik. Maka, sudah tentu penggubalan polisi serta perlaksanaannya menimbulkan kerugian kepada negara.

Dari satu sudut yang lain, pihak yang terlibat dengan jenayah ini hakikatnya berada dalam keadaan terdesak. Rasuah dijadikan pendekatan bagi mendapatkan haknya (keinginan) serta menghindari mudarat ke atas dirinya.<sup>42</sup> Bermaksud, rasuah menjadi medium untuk menghindari mudarat dengan memberi kemudaratan kepada pihak lain. Hal ini sudah tentu bertentangan dengan kaedah fekah yang menyebutkan “sesuatu kemudaratan tidak boleh diangkat melalui kemudaratan”.

<sup>39</sup> ‘Aūd Ṣāliḥ ‘Alī al-Qarnī, *Rūh al-Tashrī’ Bayn al-Islām wa al-Gharb* (al-Qāhirah: Dār al-Salām, 2013), 44.

<sup>40</sup> ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Ṭarīqī, *Jarīmah al-Rashwah fī al-Sharī’ah al-Islāmiyah ma’ a Dirāsah Niẓām Mukāfahah al-Rashwah fī al-Mamlakah al-‘Arabiyah al-Sa’udiyah* (al-Riyād: Saudi Arabia, 1980), 16.

<sup>41</sup> Muhammad Zakariyā al-Bardīsī, *Uṣūl al-Fiqh* (al-Qāhirah: Dār al-Thaqāfah, t.t), 325-328.

<sup>42</sup> al-Ṭarīqī, *Jarīmah al-Rashwah fī al-Sharī’ah al-Islāmiyah*, 55.

Lebih terperinci lagi tentang mafsadah rasuah, Ibrāhim Ṣāliḥ dalam kajiannya menyenaraikan implikasi jenayah ini terhadap individu, ekonomi dan masyarakat.<sup>43</sup> Dari konteks penjenayah, rasuah jenayah ini menimbulkan kerosakan antaranya:

- Mewujudkan sumber rezeki yang haram
- Pembaziran dan pengurusan kewangan yang bercanggah dengan syariah
- Mengundang kezaliman dan menutup keberkatan rezeki
- Mewujudkan kerjasama ke arah kemaksiatan
- Menghalang mustajab doa
- Simbolik khianat terhadap amanah
- Mengundang laknat dan azab akhirat

Selain itu, rasuah turut mengundang pelbagai bentuk kerosakan dari aspek pertumbuhan ekonomi negara antaranya:

- Mewujudkan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin
- Melahirkan sumber pendapatan yang tidak patuh syariat
- Perbelanjaan negara melalui sumber yang tidak adil
- Melahirkan sistem perkhidmatan awam yang lemah
- Mengurangkan hasil negara

Sementara kesan jenayah ini terhadap masyarakat dapat dilihat dari beberapa sudut seperti:

- Menghilangkan keamanan dan hak masyarakat awam
- Membelakangi prinsip kerjasama ke arah kepentingan umum
- Menyebarluaskan kezaliman dan kerosakan dalam masyarakat
- Melahirkan hubungan negatif antara rakyat dan pemerintah

Justeru, terbukti bahawa sungguhpun jenayah ini dilakukan secara sembunyi, namun mafsadah yang lahir adalah besar dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dan negara.

## HUKUMAN DAN PENGUATKUASAAN

Dalam khazanah hukum Islam, bentuk hukuman dikategorikan kepada tiga, iaitu hudud, qisas dan ta'zir.<sup>44</sup> Hukuman yang dikenakan bagi hudud dan qisas dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran. Namun, hukuman ta'zir bergantung kepada pihak pemerintah. Hukuman bagi jenayah rasuah adalah di bawah kategori ta'zir. Fleksibiliti hukuman ta'zir yang luas memberi peluang dan ruang bagi penguasa menetapkan hukuman yang setimpal dengan jenayah yang dilakukan.

Dengan maksud lain, tiada hukuman spesifik dikenakan kepada pelaku rasuah semenjak dulu. Pelbagai hukuman ta'zir boleh dijatuhkan ke atas pesalah, antaranya: menasihati, dipenjara, disebat, dibuang pekerjaan, dibuang daerah, denda dan

<sup>43</sup> Ibrāhim bin Ṣāliḥ bin Ahmad, “al-Tadābīr al-Wātīah min Jarīmah al-Rashwah fī al-Shāfi’ah al-Islāmiyah” (risālah majister, Akadimiah Naif al-‘Arabiah li al-‘Ulūm al-Amaniah, 2003), 132-149

<sup>44</sup> Al-Mawardi, Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah, Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaybah, 1989, 285-286.

sebagainya. Pada zaman awal Islam, pengamalan rasuah tidak merebak disebabkan ketegasan Nabi Muhammad SAW. Baginda menunjukkan contoh terbaik dengan mengelak sebarang elemen yang melibatkan kepentingan peribadi, keluarga dan para sahabat baginda SAW. Baginda sangat berwaspada dan tegas dalam menghindar rasuah dan elemennya. Justifikasinya, Rasulullah membakar harta haram tersebut dan menjatuhkan denda ke atas pelaku tersebut seperti hadith yang diriwayatkan dari ‘Amr bin ‘As:

*“Sesungguhnya Nabi SAW bersama Abu Bakar dan Umar membakar harta benda orang yang curang, lalu memukulnya.”<sup>45</sup>*

Tindakan yang ditunjukkan baginda turut dicontohi oleh para sahabat dan tabi’in. Justifikasinya, pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab, beliau mengarahkan Abu Hurayrah menyerahkan hadiah yang diterima daripada pembayar zakat ke dalam Baitul Mal.<sup>46</sup> Selain itu, Umar al-Khattab juga menyuruh isterinya menyerahkan berlian yang diberi oleh ratu Rom sebagai balasan kepada hadiah satu botol minyak wangi kepada negara. Hal ini kerana sebotol minyak wangi yang diberi kepada ratu Rom tersebut berasal daripada wang negara, maka pulangannya juga perlu dikembalikan kepada negara.<sup>47</sup>

Pada zaman tabi’in, teladan yang sama ditunjukkan oleh Umar Abdul Aziz di mana beliau sangat menjaga hak negara dan melarang keras penawaran dan penerimaan hadiah. Beliau menghantar satu deklarasi kepada pegawai rasminya yang mengandungi pengharaman menerima hadiah.<sup>48</sup> Selain itu, antara tindakan yang dilakukan oleh beliau bagi mengurus isu rasuah adalah dengan meningkatkan gaji pegawai, melarang pembaziran dan hidup yang berlebih-lebihan, melarang gabenor dan pegawai terlibat dalam urusan perniagaan, membuka ruang komunikasi antara gabenor dengan rakyat dan sebagainya.<sup>49</sup>

Berdasarkan teladan yang ditunjukkan oleh baginda SAW, Saidina Umar dan Umar Abd Aziz, dapat dilihat bahawa mereka sangat tegas dalam urusan rasuah dari segi penolakan dan tindakan. Hal ini bertujuan membanteras amalan rasuah daripada berleluasa. Namun begitu, ketegasan dan keprihatinan terhadap amalan rasuah semakin sirna seiring zaman. Justifikasinya, ramai penjawat awam yang mengamalkan rasuah pada zaman sekarang. Menurut Ahmad Nasyran Azrae et al (2018), kes tangkapan rasuah, penahanan dan pendakwaan yang membabitkan agensi penguatkuasa kerajaan berlaku hampir setiap bulan sepanjang tahun.<sup>50</sup>

Selari dengan hukum Islam, hukuman rasuah dikategorikan di bawah hukum ta’zir. Maka, hukuman yang dijatuhkan mengikut ketetapan pemerintah. Di Malaysia, Suruhanjaya Penguatkuasaan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah entiti

<sup>45</sup> Abu daud, Sunan Abi Daud, Beirut: dar alkitab al-‘Arabiyy, t.t, 3, 22, No.2717.

<sup>46</sup> Abdul Wahid Hamid, Companions of The Prophet Vol 1, Muslim Education and Literary Services (MELS), 1995, 84-86

<sup>47</sup> Moh Ezam Moh Nor, Sapto Waluyo, Islam dan Perbendaharaan Kisah dan Teladan, (Putrajaya: MOF, 2015),64

<sup>48</sup> Ali Muhammad As-Sallabi, Umar bin Abd al-Aziz, Riyadh: Darussalam, 665.

<sup>49</sup> Ibid, 663 -670

<sup>50</sup> Ahmad Nasyran Azrae et al, Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan, International Journal of Law, Government and Communication, 3 (13), 2018, 218-235.

kerajaan yang bertanggungjawab dalam misi pencegahan rasuah. Bidang kuasa entiti ini adalah melakukan penyiasatan dan mencegah segala unsur rasuah atau salah guna kuasa.<sup>51</sup>

Menurut penguatkuasaan undang-undang di Malaysia, Akta SPRM 2009 (ASPRM 2009, Akta 694) menyatakan terdapat empat kesalahan utama bagi rasuah, iaitu: [Pertama]: Seksyen 16 dan 17(a) ASPRM 2009 - meminta atau menerima rasuah; [Kedua]: Seksyen 17(b) ASPRM 2009 - menawar atau memberi suapan; [Ketiga]: seksyen 18 ASPRM 2009 - mengemukakan tuntutan palsu sama ada dalam bentuk dokumen, maklumat atau butiran; [Keempat]: seksyen 23 ASPRM 2009- menyalahguna jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam untuk kepentingan peribadi, saudara atau rakan kongsi.<sup>52</sup>

Hukuman terbaru dikenakan di Malaysia seperti tertakluk dalam Suruhanjaya Anti Rasuah, seksyen 24 menjelaskan penalti untuk empat kesalahan utama rasuah. Hukumannya ialah penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000.<sup>53</sup>

Sebagai contoh di Malaysia, pada Disember 2017 seorang koperal Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah terlibat dalam kegiatan rasuah, pesalah membuat dua kesalahan iaitu meminta rasuah dan menerima rasuah. Kesalahan pertama, pesalah meminta sogokan sebanyak RM500 supaya dua tahanan yang tidak mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah dibebaskan. Kesalahan kedua, pesalah menerima sogokan sebanyak RM400. Berikut dua kesalahan ini, pesalah disabitkan bersalah di bawah seksyen 16 dan 17(a) Akta SPRM 2009. Akibatnya, pesalah dikenakan hukuman denda sebanyak RM20,000 dan penjara 52 bulan.<sup>54</sup>

Selain itu, pada Apr 2019, seorang Penolong Pegawai Belia dan Sukan telah menerima rasuah daripada pemilik syarikat pembekal yang membabitkan perkhidmatan bekalan bagi Liga Sukan untuk semua Peringkat Daerah Segamat 2015. Susulan itu, pesalah disabit kesalahan dan dijatuahkan hukuman denda RM15,000 dan penjara 14 hari atas tuduhan tersebut.<sup>55</sup>

Selain Malaysia, hukuman ta'zir juga digunakan di negara luar seperti China dan Singapura. Di negara China, hukuman yang dikenakan bagi undang-undang jenayah yang berkaitan rasuah adalah denda yang berbeza jumlahnya, rampasan aset peribadi, hukuman penjara dan boleh dikenakan hukuman mati bergantung kepada jumlah rasuah.<sup>56</sup>

Manakala di negara Singapura, hukuman yang dikenakan adalah denda tidak melebihi S\$100,000, penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Bagi

<sup>51</sup> Portal Rasmi SPRM, [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=75&articleid=463](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=463)

<sup>52</sup> Undang-undang Malaysia (Akta 694), Akta SPRM 2009, 23-28.

<sup>53</sup> Ibid, 28.

<sup>54</sup> Rodzi, Tuty Haryanti Ahmad. (2017). Anggota polis didenda, penjara kerana rasuah. BH Online. (21 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/366120/anggota-polis-didenda-penjara-kerana-rasuah> (Capaian pada 9/6/2021)

<sup>55</sup> Noh, Mohamed Farid. (2019). Penjawat awam dipenjara 14 hari, denda RM15,000 kerana rasuah. BH online. (10 April 2019). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/04/551119/penjawat-awam-dipenjara-14-hari-denda-rm15000-kerana-rasuah> (capaian pada 9/6/2021)

<sup>56</sup> Rajah, Tann Asia, Quick Guide on Anti-Corruption, [https://www.rajahtannasia.com/media/4035/2020-06RegionalGuide\\_A-QuickAntiCorruptionGuide\\_FinalV2.pdf](https://www.rajahtannasia.com/media/4035/2020-06RegionalGuide_A-QuickAntiCorruptionGuide_FinalV2.pdf), 11

kesalahan rasuah yang melibatkan sektor awam, denda boleh dinaikkan dari segi hukuman penjara yang tidak melebihi tujuh tahun.<sup>57</sup>

Akhirnya, perlu ditegaskan bahawa hukuman ta‘zir yang dijatuhkan ke atas pesalah melihat kepada konteks dan jenis rasuah yang diamalkan agar ia tidak berulang, mengancam prospek bakal pelaku dan penerima, mencegah dan seterusnya membanteras jenayah ini secara total.

## KESIMPULAN

Rasuah merupakan perbuatan mungkar yang perlu dicegah daripada peringkat awal sebelum menjadi barah dalam masyarakat. Pengharamannya diwartakan secara nyata di dalam kedua wahyu, yakni al-Quran dan Sunnah Nabawiah. Implikasinya bukan sekadar terpalit kepada individu, malah menjatuhkan maruah keluarga, masyarakat, malah merosakkan organisasi dan negara. Bahana kerosakan yang diakibatkan oleh rasuah adalah sangat besar.

Maka, pencegahan rasuah mesti bermula daripada pembentukan integriti setiap individu. Hal ini telah ditunjukkan Rasulullah SAW sendiri sepanjang pemerintahan baginda SAW yang adil dan bebas korupsi. Islam berkembang baik dan disanjung tinggi ketika itu, tanpa sebarang salah laku. Pengharaman dan bahaya rasuah mesti disebar luaskan supaya mendorong kepada pelaksanaan tanggungjawab dengan penuh amanah. Jika perlu, hukuman yang lebih berat perlu dicadangkan agar salah laku rasuah dapat dihentikan sepenuhnya.

## PENGHARGAAN

Universiti Teknologi Malaysia atas penganugerahan geran UTM Encouragement Research (UTMER): (PY/2020/04088) bertajuk: “*Analisis Parameter Mengenai Isu Keselamatan Makanan Dalam Perusahaan Kecil Dan Sederhana Menurut Perspektif Hadis.*”

## RUJUKAN

- Abdul Wahid Hamid (1995). Companions of The Prophet Vol 1, *Muslim Education and Literary Services (MELS)*, pp. 84-86
- Abu ‘Isa al-Tirmidhi (1998), *Jami’ al-Tirmidhi*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyah
- Abu Dawud al- Sajistani (t.t), *Sunan Abu Dawud*, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah
- Afriadi Sanusi, Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2016). Analisis Strategi Membanteras Rasuah Menurut Islam, *Online Journal of Research in Islamic Studies*. Vol. 3(2): pp. 33-5.
- Ahmad Nasyran Azrae et al, (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan, *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), pp. 218-235.

<sup>57</sup> Ibid, 35

- Ahmad Rifai (2018). *Hubungan Al-Nasharah Dan Muslim Pada Masa Rasulullah*, Tesis Master, UIN Alauddin makassar.
- Al-Azim Abadi (1994). *Awn al-Ma‘bud*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Mawardi (1989). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*, Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaybah
- Al-Mubarakfuri (t.t), *Tuhfah al-Ahwazi Sharh Jami‘ al-Tirmidhi*, ‘Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah
- Ali Muhammad As-Sallabi, Umar bin Abd al-Aziz, Riyadh: Darussalam, 665.
- Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *al-Mustasfā min Ḥilm al-Uṣūl*, ed. Hamzah Zuhāyr Ḥafiz, t.tp: Shirkah al-Madīnah al-Munawwarah, t.t.
- Abī ‘Abdullāh Muḥammad bin Abī Bakar bin Ayyūb al-ma’rūf bi Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Ilām al-Muwāqi’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, ed. Abū ‘Ubaydah Ḥasan dan Abū ‘Umar Ahmād, al-Riyād: Dār Ibn al-Jazwī, 1423H.
- ‘Aūd Ṣālah ‘Alī al-Qarnī (2013). *Rūh al-Tashrī’ Bayn al-Islām wa al-Gharb*, al-Qāhirah: Dār al-Salām
- ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Tarīqī (1980). *Jarīmah al-Rashwah fī al-Sharī’ah al-Islāmiyah ma’ Dirāsah Niẓām Mukāfahah al-Rashwah fī al-Mamlakah al-‘Arabīyah al-Sa‘udiyah*, al-Riyād: Saudi Arabia
- Bukhari (2002), *Sahih Bukhari*, t.tp.: Dar Tuq al-Najah
- Diyab Khalil (2011). Al-Aثار Al-Mutarattibah ‘Ala Al-Risyawah Fi Al-Fiqh Al-Islami, Tesis Master, Al-Jaami’ah Al-Islamiyyah, Department Of Al-Fiqh al-Muqaran. Gaza, pp. 100-132.
- Hamd bin Abd al-Rahman (1982). *Athar Al-Risyawah Fi Ta’athur Al-Numu Al-Iqtisadiyyah Wa Asalib Daf’uha Fi Dzilli Al-Syari’ah Al-Islamiyyah*, Riyadh: al-Markaz al-‘Arabiyy lil Dirasat al-Umniyyah wa al-Tadrib, pp. 8-13.
- Hamka, *Tafsir al-azhar (Terj)*, Jakarta: Pustaka Panjimas, t.t.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani (1997), *Fath al-Bari Syarh Sahih Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah
- Ibn Majah (2009). *Sunan Ibn Majah*, t.tp.: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah
- Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar al-Shodir, Beirut, t.t, Juz 14, 322.
- Ibrāhīm bin Ṣāliḥ bin Ahmād, “al-Tadābīr al-Wātiyah min Jarīmah al-Rashwah fī al-Sharī’ah al-Islāmiyah”, risālah majister, Akadimiah Naif al-‘Arabiah li al-‘Ulūm al-Amaniah, 2003.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Online.
- Malik Ibn Anas (2004), *Muwatta’ Malik*, Abu Dhabi: Muassasah Zayd Ibn Sultan al-Nahyan li al-A‘mal al-Khairiyah wa al-Insaniyyah
- Mohammed al-Momani (2015). Economic Corruption and Treatment, Perspectives of Islam and Capitalism (Comparison study), *Journal of Economics and Development Studies*, vol. 3 (3), pp.123-134.
- Muhammad Zakariyā al-Bardīsī, *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Thaqāfah, t.t.
- Moh Ezam Moh Nor & Sapto Waluyo (2015). Islam dan Perbendaharaan Kisah dan Teladan, (Putrajaya: MOF, 2015), pp.64
- Noh, Mohamed Farid. (2019). *Penjawat Awam Dipenjara 14 Hari, Denda RM15,000 Kerana Rasuah*. BH online. (10 April 2019). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/04/551119/penjawat-awam-dipenjara-14-hari-denda-rm15000-kerana-rasuah> (capaian pada 9/6/2021)

- Portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),  
[https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=75&articleid=478](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478),  
akses pada 4 Feb 2021
- Rajah, Tann Asia, Quick Guide on Anti-Corruption,  
[https://www.rajahtannasia.com/media/4035/2020-06Regional-guide\\_a-quick-anti-corruption-guide\\_finalv2.pdf](https://www.rajahtannasia.com/media/4035/2020-06Regional-guide_a-quick-anti-corruption-guide_finalv2.pdf), 11
- Rodzi, Tuty Haryanti Ahmad. (2017). Anggota polis didenda, penjara kerana rasuah. BH Online. (21 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/366120/anggota-polis-didenda-penjara-kerana-rasuah> (Capaian pada 9/6/2021)
- Shamshun Baharin (2021). Akhbar Sinar Harian pada 31 Jan 2021, Bil:48
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (2017). *Bila Hadiah Menjadi Rasuah*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Transparency International (2021). Corruption Perception Index 2020, [www.transparency.org/cpi](http://www.transparency.org/cpi)
- Undang-undang Malaysia (Akta 694) (2009), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009
- Wahbah Zuhaily (2016). Tafsir Munir (Terj), Jakarta: Gema Insani, Jilid 9, 440.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Kuwait: Dar al-Salasil, 1404H – 1427, Juz 22, 220.
- Yusuf al-Qaradawi (2012). *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 379
- Yūsuf al-Qarādāwī, *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Sharī'ah Bayn al-Maqāṣid al-Kulliyāt wa al-Nuṣūṣ al-Juz'iyyāt*, cet. Ke-3, al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, 2008.